

**TEKS UCAPAN**  
**YB MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN BAGI CADANGAN MEMBINA  
DAN MENYIAPKAN HOSPITAL BAHARU SRI AMAN, SARAWAK  
(108 KATIL) FASA 2: BANGUNAN DAN KERJA BERKAITAN**

**15 DISEMBER 2021 (RABU) 1.30 TENGAHARI  
DI TAPAK PROJEK HOSPITAL SRI AMAN, SRI AMAN, SARAWAK**

---

Bismillahirrahmanirrahim

**SALUTASI**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

Syukur ke hadrat Ilahi kerana izin-Nya jua, dapat saya hadir bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini, bagi menyempurnakan **Majlis Penyerahan Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Hospital Baharu Sri Aman, Sarawak (108 Katil) Fasa 2: Bangunan dan Kerja Berkaitan.**

2. Saya, mewakili warga Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan yang turut bersama-sama menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Hospital Baharu Sri Aman yang penuh bersejarah ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Untuk perkongsian bersama, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah antara pelanggan utama kami dalam melaksanakan projek-projek fizikal kerajaan. Bagi tahun semasa, terdapat 13 projek kategori

klinik kesihatan baharu termasuk Kategori Naik Taraf Pelbagai dan kategori lain telah diserahkan kepada pihak KKM. KKR dan JKR Malaysia khususnya, akan terus memberikan komitmen yang tinggi dan bekerjasama dengan KKM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat.

4. Untuk makluman para hadirin sekalian, projek ini telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada tahun 2011 di bawah *Rolling Plan 2* (RP2), Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10). Skop projek ini melibatkan pembinaan hospital yang berkapasiti sebanyak 108 buah katil dengan *Schedule of Accommodation* (SOA) seluas 20,985.73 meter persegi. Manakala, keluasan tapak hospital adalah 51.27 ekar termasuklah pembinaan hospital baharu meliputi 14.5 ekar.

5. Pelaksanaan projek ini adalah secara Konvensional Perunding dengan menggunakan kaedah tender terhad Bumiputera di bawah pemantauan JKR Malaysia. Pembangunan projek ini terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu Fasa Pertama terdiri daripada skop Kerja Tanah yang melibatkan kerja Rawatan Tanah dengan kos projek sebanyak RM8 juta.

6. Fasa Kedua pula melibatkan skop Kerja Bangunan Hospital baharu, kuarters dan bangunan sokongan dengan kos kontrak semasa berjumlah RM181.4 juta. Skop kerja keseluruhan hospital baharu ini disediakan selaras dengan prasarana fasiliti kesihatan dan infrastruktur yang efisien dan kondusif bagi memenuhi keperluan semasa penduduk di daerah Sri Aman dan kawasan-kawasan sekitarnya.

7. Skop kontrak bagi projek ini melibatkan kerja-kerja awalan, kerja-kerja piling dan kerja-kerja bangunan. Satu (1) blok bangunan hospital ini telah dilengkapi dengan 108 katil, enam (6) tingkat kuarters pegawai kesihatan, *Mechanical dan Electrical (M&E) Plant Room* dan bangunan sokongan lain termasuklah tempat meletak kenderaan awam.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

8. Konsep dan reka bentuk hospital ini turut memfokuskan bangunan hospital prototaip baharu yang lebih fleksibel dengan ciri-ciri reka bentuk unik dan komprehensif untuk disesuaikan dengan lokasi yang berbeza dan boleh ditambah kapasiti untuk pembangunan projek seumpamanya pada masa hadapan.

9. Sebagai prasarana dan fasiliti kesihatan awam, inspirasi reka bentuk bangunan hospital diterjemahkan melalui elemen seni bina yang mengadaptasi konsep '*modular*' dan '*core spine network & dual system*' bagi susun atur bangunannya. Manakala, penekanan bercirikan *people centric* telah dimasukkan ke dalam reka bentuk hospital ini untuk memberikan persekitaran yang kondusif kepada warga kerja Hospital Sri Aman dan orang awam. Selain itu, imej keseluruhan bangunan ini jika dilihat menerusi '*birds eye view*' kelihatan seperti '*floating butterfly*', yang akan memberikan ketenangan dan kedamaian melalui kehijauan landskap sebagai elemen penampas sewaktu orang awam mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital ini kelak.

10. Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, JKR Malaysia telah melaksanakan penyeliaan dan pemantauan secara holistik melalui Sistem Kawal dan Lapor (SKALA) dan Sistem Pengurusan Bersepadu JKR yang melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015,

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP), ISO 45001:2018 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001:2015). JKR Malaysia akan terus membudayakan pengurusan bersepadu bagi semua projek-projek awam khususnya hospital dan klinik kesihatan pada masa yang akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya KKM iaitu Pejabat Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin dan pengurusan KKM selaku pelanggan utama, pihak '*end user*' iaitu pihak pengurusan Hospital Sri Aman serta Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak yang sudi mencurahkan idea dan pandangan berterusan dalam pembinaan hospital ini.

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keseluruhan pasukan projek JKR Malaysia yang menjadi teraju utama dalam pengurusan dan pengawasan pembinaan ini, para perunding yang terlibat dalam penyeliaan, pengawalan dan pengawasan projek serta pihak kontraktor yang berjaya menyiapkan hospital ini dengan penuh dedikasi dan berkomited tinggi dari mula pembinaan sehingga ke tarikh penyerahan pada hari ini.

13. Saya juga berharap semua aduan kecacatan oleh pihak pengguna dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan perlu diberi perhatian dan tindakan segera, serta ditangani dengan cekap dan berkesan. Saya mengalu-alukan maklum balas dan pandangan daripada pihak pelanggan bagi projek ini. Maklum balas yang positif dari semua pihak yang

berkenaan akan dapat membantu JKR Malaysia ke arah Pelaksanaan Program Penambahbaikan Berterusan kelak.

14. Semoga masyarakat setempat berasa selesa dan berpuas hati dengan segala perkhidmatan yang disediakan di Bangunan Hospital Baharu Sri Aman. Sama-sama kita berdoa agar segala usaha ini dipermudahkan oleh Allah S.W.T dan dapat dijayakan dengan sempurna.

15. Akhir kata, izinkan saya akhiri ucapan ini dengan serangkap pantun;

Hospital Baharu Sri Aman II nama diberi,  
Fasiliti terunggul menjadi nadi,  
Andai ditakdir ada rezeki,  
Inshaallah dapatlah kita bekerjasama lagi.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Terima kasih.